



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1983
DR.20/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1983. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 1 Akta Probet dan Pentadbiran 1959, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 1. Akta 97.
 - (a) dengan menggantikan noktah pada penghujung subseksyen (1) dengan koma bertitik; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas sahaja koma bertitik itu perkataan-perkataan "and in the case of Sabah and Sarawak, he may appoint different dates for different provisions of this Act."
3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan takrif "Official Administrator" dengan takrif baru yang berikut: Pindaan seksyen 2.

"Official Administrator" means the Official Administrator, Malaysia, appointed under section 78 and includes any officer appointed under that section;

Pindaan
seksyen 78.

4. Seksyen 78 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Assistant Official Administrators" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "Deputy Official Administrators, Senior Assistant Official Administrators, Assistant Official Administrators and Trust Officers";
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Assistant Official Administrator" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "Deputy Official Administrator, Senior Assistant Official Administrator, Assistant Official Administrator or Trust Officer";
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "An Assistant Official Administrator" dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "A Deputy Official Administrator, a Senior Assistant Official Administrator, an Assistant Official Administrator or a Trust Officer"; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "the Assistant Official Administrator" dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "such officer".

Pindaan
seksyen 83.

5. Seksyen 83 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "fifty thousand ringgit" yang terdapat dalam perenggan (a) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "three hundred thousand ringgit; and";
- (b) dengan memotong perenggan (b) subseksyen (1) dan menombor semula perenggan (c) di dalamnya sebagai perenggan (b);
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan "which comes into his possession or which may have come into the possession of the Police under section 23 of the Police Act, 1967", yang terdapat dalam perenggan (a) subseksyen (2);
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "five hundred" dalam perenggan (a) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "ten thousand";

(e) dengan menggantikan perkataan-perkataan "within a period of thirty days from the date on which the property came into the possession of the Official Administrator or, in the case of the property affected by section 23 of the Police Act, 1967, from the date on which it was taken charge of by the Police," dalam perenggan (c) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "as is referred to in subsection (1),"; dan

(f) dengan menggantikan angka-angka "\$50,000" dalam nota birai dengan angka-angka "\$300,000".

6. Seksyen 85 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 85.

(a) dengan menggantikan perkataan "fifty" yang terdapat dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "three hundred"; dan

(b) dengan menggantikan angka-angka "\$50,000" dalam nota birai dengan angka-angka "\$300,000".

7. Seksyen 86 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "hundred" yang terdapat dalam subseksyen (3) dengan perkataan "thousand".

Pindaan
seksyen 86.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959—

(a) untuk membolehkan Menteri menguatkuasakan Akta tersebut di Sabah dan Sarawak, peruntukan demi peruntukan (dimulai dengan mengajukan Bahagian VIII ke Sabah dan Sarawak sebaik sahaja Rang Undang-Undang ini mula berkuatkuasa);

(b) untuk menghapuskan apa-apa keraguan yang mungkin timbul berkenaan dengan kuasa pegawai-pegawai kanan Jabatan Pentadbir Pusaka;

(c) untuk menaikkan dari \$50,000 kepada \$300,000 had harta pusaka yang boleh ditadbirkan secara terus dan dibahagikan oleh Pegawai Pentadbir Pusaka tanpa bersusah payah memohon geran surat kuasa pentadbir atau probet ke Mahkamah Tinggi;

- (d) untuk memotong perenggan (b) seksyen 83 (1) supaya kuasa Pegawai Pentadbir Pusaka untuk mentadbir secara terus harta yang bernilai tak lebih dari tiga ratus ribu ringgit itu tidak lagi hanya terhad kepada harta alih sahaja malah akan meliputi harta tak alih juga;
- (e) untuk menghapuskan kesulitan praktik Pegawai Pentadbir Pusaka atau Polis yang terpaksa mengambil milikan harta sebelum Pegawai Pentadbir Pusaka boleh membuat perintah bagi pelupusan terus harta itu;
- (f) untuk menaikkan dari \$500 kepada \$10,000 nilai harta yang boleh dilupuskan secara terus oleh Pegawai Pentadbir Pusaka;
- (g) untuk menaikkan dari \$50,000 kepada \$300,000 nilai harta pusaka yang mengenainya Pegawai Pentadbir Pusaka dikecualikan dari memberi notis pembahagian;
- (h) untuk menaikkan dari \$100 kepada \$1,000 amaun wang harta pusaka si mati yang tak terbahagi yang boleh diuruskan oleh Pegawai Pentadbir Pusaka di bawah seksyen 5 dan 7 Akta Wang Tak Dituntut 1965.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1218.]